

'Larangan berhimpun di ibu kota selama tujuh hari mulai semalam'

Oleh Faris Fuad - Januari 21, 2022 @ 5:02pm

faris.fuad@bh.com.my



Dataran Merdeka

KUALA LUMPUR: Mahkamah Majistret Kuala Lumpur mengeluarkan perintah larangan perhimpunan sekitar Kompleks Sogo, Masjid Jamek dan Dataran Merdeka di sini, berkuat kuasa selama tujuh hari, bermula semalam.

Ia susulan perhimpunan mendesak Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Azam Baki ditahan, dirancang diadakan di sekitar kawasan terbabit pada jam 11 pagi esok.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Noor Dellhan Yahaya, berkata seramai 1,010 anggota serta pegawai Dang Wangi, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur dan Bukit Aman akan digerakkan bagi memantau pematuhan prosedur operasi standard (SOP) Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) di lokasi berkenaan.

Katanya, polis tidak akan berkompromi dan teragak-agak mengambil tindakan tegas terhadap penganjur serta peserta himpunan itu mengikut undang-undang.

"Setakat ini, kita sudah rakam keterangan 16 individu termasuk lima ahli politik dan aktivis, Adam Adli Abdul Halim untuk membantu siasatan himpunan itu.

"Kita tidak menerima sebarang pemberitahuan dan permohonan daripada pihak penganjur. Saya juga ingin menasihatkan orang ramai bahawa Kuala Lumpur masih berada dalam Fasa 4 PPN.

"Sentiasa pakai pelitup muka dan jangan berada di kawasan sesak. Dalam hal ini, kita akan ambil tindakan tegas mengikut keperluan dan keadaan semasa," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi, di sini, hari ini.

Sebelum ini, media melaporkan penganjur perhimpunan bagi mendesak Azam ditahan akan tetap diteruskan.

Ia meskipun polis sudah memberi amaran melarang sebarang perhimpunan diadakan di ibu negara kerana melanggar SOP Fasa 4 PPN.

Noor Dellhan berkata, pihaknya akan melencongkan enam jalan utama di ibu negara bermula jam 7 pagi esok hingga selesai himpunan berkenaan bagi menjaga keselamatan dan ketenteraman awam.

Enam jalan itu ialah Jalan Kucing, Jalan Kinabalu, Jalan Maharajalela, Jalan Hang Tuah, Jalan Imbi dan Jalan Sultan Ismail.

"Selain lencongan jalan, pihak stesen Transit Aliran Massa (MRT), Transit Aliran Ringan (LRT), monorel dan Keretapi Tanah Melayu (KTM) juga akan membuat penghentian sementara operasi di beberapa stesen dalam kawasan pentadbiran IPD Dang Wangi dalam tempoh sama.

"Ia membabitkan LRT Laluan Ampang/Sri Petaling (enam stesen), LRT Laluan Kelana Jaya (empat stesen), MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (tiga stesen), monorel (sembilan stesen) dan KTM (tiga stesen)," katanya.